

27 JAN 1999

DR MAHATHIR BERLEPAS KE SWITZERLAND UNTUK HADIRI FORUM EKONOMI DUNIA

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berlepas ke Switzerland untuk menghadiri Forum Ekonomi Dunia.

Ia merupakan lawatan pertama beliau ke luar negara tahun ini. Dr Mahathir diiringi oleh isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Turut berada di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Mahathir diundang untuk berucap pada mesyuarat tahunan itu yang akan dihadiri oleh negarawan, pemimpin perniagaan dan tokoh akademik.

Forum itu yang bermula esok di Davos, bandar peranginan terkenal di Eropah bertujuan membentuk agenda global.

Ia akan membincangkan tema "Tanggungjawab Global - Menguruskan Impak Globalisasi."

Pemerhati berpendapat undangan kepada Perdana Menteri membuktikan sanjungan berterusan terhadap ketokohan Dr Mahathir dan harapan yang beliau boleh menyumbang ke arah dunia yang lebih saksama.

Mereka berkata kehadiran Dr Mahathir juga adalah sebagai tanda bahawa ramai pengkritik Malaysia telah menerima hakikat bahawa negara ini telah berjaya mengharungi segala onak dan duri berikutan kegawatan ekonomi yang melanda Asia sejak pertengahan 1997.

-- BERNAMA

MT PR